



**BERJAYA SCHOOL OF HUMANITIES & SOCIAL SCIENCES
Faculty of Liberal Arts**

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU3212 BAHASA KEBANGSAAN A**
Trimester & Year : September - December 2018
Lecturer/Examiner : Normaizura Md Zain
Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 13 (Including the cover page)

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

“Hutang wang boleh dibayar, **hutang budi melekat hati.**” Gurauan Pak Samad cukup meloyarkan. Waktu itu, anak perempuannya sudah mula senyum-senyum. Mengurut dia atau anaknya? Puan Kok melayan perasaan sambil meneruskan perjalanannya. Dalam hatinya tiba-tiba diserbu sedikit gelisah. Takut. Bimbang. Meremang bulu roma Puan Kok seketika. Benarkah ada misteri di Bukit Beruntung? Apakah benar anak perempuannya ditelan? Ya, mungkin.

Anggota penyelamat tidak pernah putus asa mencari anak perempuannya, dan sehingga waktu ini masih belum juga ketemu. Puan Kok seperti biasa, akan hanya sekerat jalan. Hendak mendaki lereng bukit yang ditarah langsung tidak larat. Peluh memercik. Mujurlah ada air untuk diminum, lega juga dia menentang kehausan.

Tahun Baru Cina merenggut ingatannya. Lantas teringat pula pada kata-kata Pak Samad akan Bukit Beruntung. Misteri? Ditelan? Tapi apa yang menelan? Harimau? Singa? Adakah binatang-binatang itu wujud di Bukit Beruntung? Masakan pula, lori masuk pagi petang siang malam. Bukit Beruntung memanglah beruntung kerana hasilnya dikendong. Bukit Beruntung memanglah beruntung, jadi sasaran si pengaut untung.

Namun, zahirnya Bukit Beruntung tidaklah seuntung namanya kerana ditembak perutnya hingga sudah leper sebelah. Mungkin diet tidak seimbang. Perutnya dikempiskan tanpa kerelaan. Ah, kasihan pula pada Bukit Beruntung. Puan Kok menunggu hingga petang. Mana tahu kalau-kalau anak perempuannya, Yuk San berjaya melarikan diri. Tapi daripada siapa? Nian? Adakah makhluk itu di Bukit Beruntung? Oh, kalau benar ada Nian memang Yuk San telah dijadikan hidangan. Tidak! Itu cerita zaman nenek moyang. Tidak mungkin wujud zaman ini. Ini zaman anak-anak remaja moden. Kadang-kadang Puan Kok sendiri tidak faham erti moden pada anak-anak remaja, termasuklah Yuk San.

Kata Yuk San, “Aku nak kebebasan. Aku tidak suka dikongkong oleh adat lama.”

Puan Kok kernyih sumbing. “Adat lama yang membesarkan kau. Tidak harus ambil hina untuk itu.” Mengingat kembali kata-kata Yuk San, Puan Kok tidak mampu menahan air mata. Sebak menyesak dalam benak. Puan Kok menangis tersedu-sedan. Bukan terhiris tetapi dia rindu keletah manja Yuk San.

1. Berikan maksud frasa **hutang budi melekat hati** seperti yang terdapat dalam petikan tersebut?
(2 markah)
2. Apakah yang terjadi kepada anak Puan Kok?
(2 markah)
3. Siapakah Pak Samad berdasarkan cerpen tersebut?
(2 markah)
4. Pada pendapat anda, mengapakah Puan Kok amat mementingkan adat resam dalam kehidupannya?
(4 markah)

Petikan (ii)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

PALU 4 Okt. - Bantuan antarabangsa untuk mangsa bencana berganda, iaitu gempa bumi dan tsunami di Indonesia mula meningkat ketika kebimbangan memuncak terhadap ratusan ribu penduduk yang berdepan kekurangan makanan dan minuman, enam hari selepas bencana berlaku. Penduduk di pantai barat pulau Sulawesi terdesak mencari makanan di serata tempat ketika kerajaan bergelut untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan air, makanan, tempat perlindungan dan bahan api dalam zon bencana, dengan ketiadaan bekalan elektrik dan komunikasi terhad. Hal ini ibarat **sudah jatuh ditimpa tangga**.

Malah, kekacauan tidak dapat ditolak apabila penduduk bandar Palu berang dan berlaku kegiatan mencuri selain mereka bertindak menyerbu lapangan terbang yang kecil itu, untuk menaiki pesawat keluar daripada zon bencana. Jumlah rasmi angka kematian akibat gempa dengan kekuatan 7.5 pada skala Richter Jumaat lalu meningkat kepada 1,411 orang, dengan kebanyakannya terkorban akibat ombak tsunami dan juga berlaku tanah jerlus selepas gempa. Kebanyakan angka kematian melibatkan mangsa yang terbunuh di Palu manakala kehilangan nyawa di kawasan terpencil tidak diketahui berikutan komunikasi terputus manakala jambatan dan jalan raya pula musnah atau tersekat akibat tanah runtuh.

Sementara itu, bantuan antarabangsa kini dipergiatkan selepas kerajaan Indonesia bersetuju untuk menerima bantuan asing. Secara keseluruhan, kira-kira 20 buah negara telah menawarkan bantuan. "Kerajaan Indonesia berpengalaman dan memiliki kelengkapan dalam menguruskan bencana alam, tetapi ada masanya, bantuan luar juga diperlukan," kata Penolong Setiausaha Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Penyelaras Hal Ehwal Kemanusiaan dan Bantuan Kecemasan, Mark Lowcock dalam satu kenyataan.

Persekutuan Palang Merah dan Bulan Sabit Merah Antarabangsa berkata, pihaknya merayu bantuan sebanyak AS\$22 juta (RM91 juta) untuk membantu mangsa bencana di Indonesia. Amerika

Syarikat (AS) telah menyediakan pembiayaan awal, menghantar pakar bencana dan sedang berusaha menentukan bantuan lain yang boleh diberikan, kata Jabatan Negara awal minggu ini. Beberapa bantuan dari Britain dan Australia juga akan tiba pada hari ini.

Di Palu, beberapa kedai dan bank dibuka semula pada hari ini dan rangkaian telefon mudah alih utama kembali beroperasi. Suasana tenang seolah-olah kembali ke asal dengan pengguna jalan raya beratur di stesen minyak selepas ketibaan penghantaran bahan api. Dalam perkembangan yang sama, pertubuhan Save the Children menyatakan kebanyakan kanak-kanak yang terpisah dengan keluarga mereka masih dalam keadaan trauma. Katanya, kebanyakan remaja tidur di atas jalan raya di antara sisa runtuh di bandar Palu dan pihak berkuasa digesa segera mengenal pasti dan menyatukan kanak-kanak berkenaan dengan ahli keluarga mereka.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan **sudah jatuh ditimpa tangga**? **(2 markah)**

2. Nyatakan **EMPAT (4)** masalah yang dihadapi selepas berlakunya gempa bumi dan tsunami di Palu? **(4 markah)**

3. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** perkara yang boleh dilakukan oleh Malaysia untuk membantu mangsa bencana alam tersebut? **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.*

- a) Tulis ayat berdasarkan setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.
 - I. panas
 - II. dipanaskan
 - III. memanaskan
 - IV. pemanasan
 - V. pemanas

(10 markah)

b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

I. Kami amat terkejut apabila mendapat tahu bahawa ada seekor lembu mati kerana menggilis keretapi di kawasan landasan itu.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

II. Nama julukan artis yang dikenal itu adalah Mawi.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

III. Pendidikan pra-sekolah yang dikenalkan kepada kanak-kanak dalam lingkungan usia 4 hingga 6 tahun adalah bertujuan untuk mendedahkan mereka pada persekitaran sosial.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

IV. Lima orang lelaki yang disyaki mencolek anak hartawan itu telah tertangkap oleh pihak polis di sebuah gudang kosong yang terletak di Ipoh.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

V. Dalam majlis itu, pelbagai persembahan telah mengadakan sempena hari keputeraan baginda yang ke 52 tahun.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2 : SOALAN ESEI (30 MARKAH)

ARAHAN : Bahagian ini terdiri daripada **SATU (1)** bahagian yang wajib dijawab.

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

SOALAN 1

Bencana alam sering melanda beberapa kawasan di dunia dan menyebabkan ramai orang menderita. Huraikan langkah-langkah yang diambil oleh masyarakat negara ini untuk membantu mangsa-mangsa bencana alam di seluruh dunia.

SOALAN 2

Penjagaan tandas awam tidak boleh dipandang remeh oleh masyarakat kerana ia menggambarkan imej yang baik serta memberi implikasi yang besar terhadap kesihatan, kebersihan, persekitaran serta ekonomi negara. Sebagai rakyat Malaysia, apakah usaha-usaha yang wajar dilakukan untuk menjaga tandas awam?

SOALAN 3

Penganjuran sukan bertaraf dunia merupakan langkah ke arah merealisasikan visi kudi Wawasan 2020 yang merupakan inspirasi dan wawasan pembangunan negara yang dapat melahirkan masyarakat yang maju, penyayang, demokratik dan sejahtera. Huraikan kebaikan penganjuran sukan di peringkat antarabangsa.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT